

Ahad – 16 Ogos 2020

Halaman : 02 & 03

2 www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy 16.08.2020 | Metro Ahad

jejak cemerlang

GENERASI TERHEBAT ORANG ASLI

Di sebalik kepayahan hidup, sejumlah 183 Orang Asli cipta kejayaan dalam bidang akademik



DR Mohammad Zulafif semasa majlis tamu kesejahteraan di Melbourne, Australia.

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin dan Muhammaad Razis Ismail
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Kehidupan saya lalui ketika kecil sama seperti kanak-kanak Orang Asli lain iaitu jalan berkaki ayam, mandi sungai, malah nyaris lemas.

"Saya bersyukur kerana cemerlang dalam pelajaran sehingga boleh melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD) di Melbourne, Australia," kata Dr Mohammad Zulafif Rahim, 32.

Dr Mohammad Zulafif ialah anggota masyarakat Orang Asli suku kaum Melayu Proto (Kuala) yang kini bertugas sebagai Pensyarah Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor.

Beliau berkata, pada peringkat awal melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dia hanya mahu ingin menggembirakan keluarga terutamanya kedua ibu bapa.

Katanya, dia juga tidak pernah meletakkan sasaran memiliki PhD, sebaliknya keputusannya melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi itu lebih kepada keinginan mendapat pengalaman dan meningkatkan ilmu pengetahuan.

"Ketika melanjutkan pengajian, semuanya berubah dan saya bertekad apabila kembali ke tanah air, saya mahu beri sumbangan kepada masyarakat Orang Asli.

"Sejak dua tahun lalu, saya menjadi Pengurus Persatuan Kuam Desin Duono Negeri Johor. Saya tubuhkan persatuan ini bersama rakan Orang Asli.

yang pulang ke negeri asal sebaik menamatkan pengajian," katanya yang berasal dari Kampung Sri Pantai, Senggarang, Batu Pahat, Johor.

Kampung Sri Pantai ialah perkampungan Orang Asli Suku Kuala yang tinggal di pesisir pantai.

"Tujuan persatuan ini ditubuhkan adalah untuk membantu meningkatkan pemikiran komuniti Orang Asli yang menjadi penghalang mereka berubah termasuk dalam aspek pendidikan.

"Di kawasan pedalaman, masih ada Orang Asli yang tidak melihat wang sebagai perkara penting kerana bagi mereka, ia bukan keutamaan.

"Malah, ada dalam kalangan mereka juga tidak melihat kepentingan pendidikan dalam kehidupan," katanya.

Menurutnya,

disebabkan itu, ada ibu bapa bertanya mengapa anak-anak perlu ke sekolah sedangkan mereka tetap mencari hasil hutan atau menjadi nelayan selepas menamatkan persekolahan.

"Mereka (ibu bapa) berpendapat, sekiranya ke sekolah, anak-anak akan ketinggalan daripada segi ilmu mencari hasil hutan atau menangkap ikan," katanya.

Namun katanya, kebelakangan ini, persepsi itu sudah berubah apabila ramai anak Orang Asli berjaya dalam pendidikan.

"Pada pendapat saya, kejayaan sebenar individu tidak semestinya dizahirkan daripada pencapaian akademik semata-mata tetapi keupayaan untuk mengadaptasi kehidupan masa kini dengan cara pemikiran yang cemerlang," katanya.